

29/03/1998

Kemiskinan boleh timbulkan banyak kesan negatif

Abdul Wahid Jais

DALAM syarahannya bertajuk "Kedudukan dan Peranan Asia Dalam Pembentukan Komanwel Sejagat Abad ke-21" pada 22 Oktober tahun lalu di United World College of the Atlantic, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajukan satu soalan paling mudah kepada kira-kira 200 tokoh korporat, pendidikan, diplomat asing dan pelajar dari 60 negara.

Soalan itu dianggap mudah kerana ramai beranggapan kemiskinan sebagai perkara remeh. Namun, satu hal yang sering dilupakan ialah kemiskinan wujud sepanjang zaman di kalangan semua bangsa. Apa lagi kewujudannya semakin terasa pada zaman yang kian mementingkan kebendaan.

Ahli fikir Perancis, Dr Roger Garaudy berkata: "Falsafah kebudayaan Barat gagal membawa manusia ke jalan kesempurnaan dan sebaliknya merosakkan kemanusiaan itu sendiri."

Sebagai bukti, katanya, manusia di Barat menggunakan kepandaian sains untuk berkuasa dan merosakkan dunia. Misalnya, pada 1982 sahaja RM650 bilion dibelanjakan untuk senjata, sedangkan pada masa yang sama kira-kira 50 juta penduduk dunia hidup dalam kelaparan.

Kenyataan ini jelas menunjukkan sistem kapitalis Barat gagal memerangi kemiskinan, malah pada masa yang sama mereka menggunakan harta kekayaan yang ada untuk kepentingan kuasa dan politik sehingga melupakan soal kemanusiaan.

Apakah pandangan Islam mengenai kemiskinan? Banyak hadis yang memberi penjelasan bahawa kemiskinan adalah satu penyakit berbahaya yang boleh meninggalkan kesan negatif kepada individu, masyarakat dan negara.

Malah, anggapan sesetengah individu bahawa kemiskinan sebagai satu cara untuk mencapai ketinggian rohani seperti bersifat zuhud adalah satu tanggapan yang salah.

Adalah jelas bahawa memuji kehidupan zuhud bukan bererti memuji kemiskinan. Ini kerana mereka yang mengamalkan cara hidup zuhud bukanlah orang tanpa harta, sebaliknya mereka sama sekali tidak membiarkan harta itu menguasai hati dan kehidupannya.

Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah bermaksud: "Zuhud di dunia tidak dengan mengharamkan yang halal dan tidak membuang harta tetapi zuhud di dunia ialah engkau lebih percaya kepada apa yang ada pada pegangan Allah daripada apa yang ada di tanganmu dan apabila engkau mendapat bahaya dunia, engkau lebih senang ia kekal padamu supaya engkau dapat ganjarannya." - (Riwayat Tirmizi dan Ibnu Majah).

Justeru, adalah jelas kemiskinan dalam Islam adalah satu penyakit dan masalah yang harus ditangani. Rasulullah pernah berdoa, memohon perlindungan Allah agar menghindarkan dirinya daripada kemiskinan seperti sabdanya bermaksud: "Ya Allah! Sesungguhnya aku mohon perlindungan-Mu daripada kekufuran dan kemiskinan." - (Riwayat Abu Daud). Sabda baginda lagi, bermaksud: "Ya Allah! Sesungguhnya aku minta perlindungan-Mu daripada kekafiran, kemiskinan, kehinaan dan aku mohon perlindungan-Mu daripada menzalimi." - (Riwayat Ibnu Majah daripada Abu Hurairah).

Kenapa Islam menganjurkan umatnya membasmi kemiskinan? Jawapannya mudah kerana kemiskinan boleh menimbulkan banyak kesan negatif. Antaranya:

\* Membawa kekufuran

Apabila kehidupan seseorang itu berada dalam kesempitan, pelbagai kemungkinan akan berlaku. Apatah lagi jiwanya akan gelisah, fikirannya runsing dan hatinya tidak tenteram kerana masalah yang dihadapi. Malah tidak menghairankan jika individu itu akan menyalahkan takdir dengan apa

yang dihadapinya. Akhirnya, dengan fikiran yang celaru, dia akan mempersoalkan kekuasaan Allah yang selanjutnya menyebabkan dia menjadi kufur. Hal ini jelas seperti sabda Rasulullah, bermaksud: "Hampir orang yang fakir miskin itu membawa kepada kekufuran." - (Riwayat Abu Namin daripada Anas).

\* Meruntuhkan akhlak dan budi pekerti

Biasanya orang miskin yang tidak mempunyai sesuatu, mendorong dia bertindak ke arah keburukan. Hal ini lebih buruk lagi jika orang miskin itu tinggal berjiran dengan orang kaya. Mereka bertindak tanpa mengikut lunas-lunas budi pekerti dan akhlak yang ditetapkan kerana rintihan perut adalah lebih kuat daripada pegangan agama dan nilai mulia.

\* Melemahkan fikiran

Orang miskin yang tidak mempunyai keperluan hidup yang asasi untuk diri dan keluarganya sudah tentu tidak boleh berfikir secara sempurna. Ini kerana seluruh tubuh badan, terutama otak, tidak boleh berfungsi dengan baik kerana kekurangan zat makanan atau kelaparan.

Diceritakan bahawa Imam Abu Hanifah pernah berkata: "Jangan kamu minta fatwa daripada orang yang tidak ada gandum di rumahnya kerana ini mungkin dikhuatiri fikirannya bercelaru, ketenangannya tidak menentu sehingga pendapatnya tidak tepat lagi kerana terpengaruh oleh sebab kelaparan."

\* Mengancam kesejahteraan masyarakat

Seorang itu mungkin dapat bersabar sekiranya kemiskinan berlaku pada ahli dalam masyarakatnya, tetapi jika wujud segelintir yang kaya dalam masyarakat yang mengalami kemiskinan, kesabaran itu tidak dapat bertahan lama. Apa lagi jika segelintir yang kaya itu menggunakan kekayaannya untuk menindas golongan miskin dan wujudnya pembahagian kekayaan tidak sempurna. Kemiskinan seumpama ini boleh mencetuskan kemarahan orang ramai hingga menyebabkan fitnah dan huru hara.

\* Memberi kesan kepada kebebasan dan kemerdekaan sesebuah negara

Golongan yang dicengkam kelaparan sudah tentu tidak mempunyai semangat untuk mempertahankan negaranya. Apa lagi untuk menjaga kemerdekaan negaranya kerana ia tidak dapat menyelesaikan beban penderitaan hidup yang menimpanya. Dengan itu, tidak hairanlah dia tidak sanggup berjuang mempertahankan negaranya.

Islam mempunyai cara dan nilai tersendiri dalam usaha meningkatkan ekonomi dan kemajuan kebendaan umatnya. Malah, ekonomi Islam cukup mantap untuk membasmi kemiskinan. Contoh yang jelas ialah zakat yang diwajibkan adalah satu cara membantu golongan tidak berupaya agar dapat bersama-sama menikmati kehidupan.

Sebagai contoh, pada zaman Khalifah Abu Bakar, beliau melancarkan peperangan terhadap golongan yang enggan mengeluarkan zakat bagi membanteras kemiskinan. Ini kerana Islam tidak melihat zakat sebagai amalan kebajikan biasa, bahkan tanggungjawab yang harus disempurnakan masyarakat kerana seperti yang disebutkan dalam al-Quran, peminta sedekah sekalipun mempunyai hak di atas kekayaan yang ada.

Hal ini jelas dalam firman Allah bermaksud: "Dan pada harta-harta mereka ada hak untuk orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak mendapat bahagian." - (Azzariat: 19).

Islam membuktikan kejayaan memperjuangkan kebahagiaan hidup manusia, terutama dalam aspek penghapusan kemiskinan. Kejayaan ini berlaku pada zaman pemerintahan Khalifah Umar bin Abdul Aziz di mana zakat dipungut tetapi pegawainya tidak menemui orang miskin untuk dibahagikan zakat itu. Pegawai khalifah itu sendiri, Yahaya bin Said menceritakan:

"Khalifah Umar bin Abdul Aziz menugaskan saya untuk menguruskan pemungutan zakat dari Afrika dan sesudah selesai mengumpulkan harta zakat itu kami mencari golongan fakir miskin untuk dibahagikan zakat itu tetapi tidak seorang dapat kami temui dan tidak ada seorang yang mahu menerima

zakat itu daripada kami kerana Umar bin Abdul Aziz sudah membuat semua orang hidup senang."

Justeru, adalah jelas Islam menentang segala bentuk pemerasan ekonomi dan turut membela golongan menderita tanpa mengira kaum dan agama. Prinsip inilah antara lainnya yang menyebabkan Islam tegas mengharamkan riba, kegiatan monopoli saham, spekulasi pasaran wang, penguasaan tanah secara berlebihan dan pemerasan ke atas golongan pekerja.

Dasar persamaan anjuran Islam adalah persamaan mengikut undang-undang serta persamaan peluang dan kesempatan.

Justeru, saranan Dr Mahathir agar masyarakat dunia menjadikan abad ke-21 sebagai kurun perjuangan untuk membebaskan manusia daripada belunggu kemiskinan mutlak adalah satu saranan wajar dan berani.

Saranan itu wajar kerana ia bukan kosong, malah negara kita sudahpun membuktikan kejayaan membasmi kemiskinan seperti yang disahkan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) bahawa tahap kemiskinan mutlak di Malaysia adalah sifar berbanding separuh rakyatnya berada dalam kategori itu kira-kira 30 tahun lalu.

Ia dikatakan berani pula kerana hanya pemimpin yang berani mampu memberikan cadangan itu selaras dengan ajaran Islam yang menganjurkan umatnya agar membasmi kemiskinan.

(END)